



DATUK PENGELOLA BIJAYA DIRAJA
Comptroller of the Royal Household
ISTANA NEGARA
National Palace
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

TELEFON: 03-6200 1000/
03-6200 1200
FAKS: 03-6205 2121/
03-6205 2112


KENYATAAN MEDIA

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah hari ini menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Parlimen dan Ketua Setiausaha Negara serta semua pihak yang terlibat di dalam proses temu bual di antara Seri Paduka Baginda dan ahli-ahli Parlimen yang telah berlangsung selama dua hari bermula hari Selasa, 25 Februari 2020, di Istana Negara.

Berdasarkan proses temu bual ini, Seri Paduka Baginda masih belum memperolehi keyakinan mengenai seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Baginda mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi membentuk kerajaan baharu.

Seri Paduka Baginda juga turut berkenan dengan keputusan yang telah diambil oleh YB Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk tidak memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin 2 Mac 2020. Seri Paduka Baginda seterusnya akan terus berusaha untuk mencari jalan penyelesaian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan demi kesejahteraan rakyat jelata dan negara yang kita cintai bersama.

Pihak Istana Negara akan berhubung dengan Ketua-ketua pimpinan parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat, bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan pencalonan nama Ahli Dewan Rakyat sebagai bakal Perdana Menteri.



Dato' Ahmad Fadil bin Shamsuddin
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara

28 Februari 2020